KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HRIAN			
TARIKH	:	20.10.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JMG			

BH Khamis, 20 Oktober 2022 Nasional 19

Isu banjir di Kampung Iboi

Penduduk terpaksa 'telan' debu



Jengkaut mengorek timbunan pasir di tebing Sungai Kupang di Lata Chelak, Baling. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Lokasi berkelah di Lata Chelak kini jadi kuari pasir

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Baling: Selepas tiga bulan kejadian banjir puing, penduduk di Kampung Iboi kini hanya mampu pasrah 'menelan' debu dan habuk daripada lori yang mengangkut keluar pasir dikorek dari Sungai Kupang di Lata Chelak.

Lata Chelak yang menjadi tempat perkelahan dan tumpuan orang ramai sebelum ini kini menjadi kuari pasir dan difahamkan projek itu akan mengambil masa dua tahun.

Tinjauan di lokasi terbabit mendapati tebing sungai berkenaan ditimbuni pasir yang meninggi dan kerja mengorek dilakukan sejak awal pagi menggunakan tiga jengkaut.

Penduduk, Azlina Aziz, 47, berkata suaminya, Nor Azizan Aziz, 50, terpaksa menyiram permukaan jalan di depan kedai makanannya bagi mengurangkan debu dan habuk masuk ke kedai.

"Dalam tempoh sehari, kira-kira lima atau enam kali suami saya siram jalan, sekiranya dibiarkan, pelanggan mungkin kurang selesa, selain kedai dan makanan turut dicemari habuk.

"Lori mula masuk ke kampung sejak jam 7.30 pagi dan berakhir jam 6.30 petang. Saya harap syarikat yang menjalankan projek ini dapat bersama-sama menyiram air di permukaan jalan sekiranya cuaca panas atau tidak hujan bagi mengurangkan debu," katanya yang berniaga di situ sejak 2016.

Penduduk tak dapat bayaran

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Iboi, Nor Mohamad Hussain, 60, pula berkata pihaknya terkilan selepas tanah penduduk kampung digunakan untuk menimbun pasir yang dikorek tanpa sebarang perbincangan pada pertengahan Julai lalu.

Beliau mendakwa, penduduk atau pemilik tanah tidak mendapat bayaran daripada tanah digunakan menjadi tempat menimbun pasir sedangkan syarikat terbabit mendapat keuntungan.

"Ada pemilik tanah kini menyewa di rumah lain kerana rumah mereka tidak selamat diduduki.

"Ada juga yang hilang sumber pendapatan selepas pokok getah dan tanaman mereka musnah dalam kejadian banjir puing lalu.

"Jambatan juga masih belum dibina semula, penduduk tak dapat bekerja, jadi alangkah baiknya jika ada ihsan syarikat terbabit membayar sewa tanah digunakan supaya duit itu digunakan untuk kelangsungan hidup penduduk," katanya.

Sementara itu, pemilik tanah di jajaran Lata Chelak, Mahmud Rejab, 76, berkata dia sedih berikutan belum ada sebarang bayaran sewa tanah dilakukan syarikat terbabit selepas tiga kali perbincangan diadakan.

Katanya, dia tidak menuntut bayaran sewa tinggi, memadai wang itu dapat digunakan untuk kelangsungan hidup dia dan isterinya selepas mereka tidak dapat menoreh getah susulan jambatan ke kebun getah musnah dihanyutkan banjir puing.

"Saya faham pasir perlu dikeluarkan segera untuk mengelak kejadian banjir puing berulang, tetapi hasil jualan pasir perlu dikongsi sedikit dengan penduduk yang menanggung kerugian akibat kejadian banjir puing sebelum ini," katanya.